

Lawatan Industri - KILANG GULA PERLIS

Bagi memenuhi kriteria InDex iaitu program Industrial Exposure yang diikuti oleh semua pelajar tahun Dua, satu rombongan ke Kilang Gula Felda Perlis Sdn Bhd telah diadakan dengan penyertaan 53 orang pelajar Tahun 2 PPK Bioproses. Encik Md. Faudzi Rashid iaitu Pengurus Personel Kilang Gula Felda Perlis Sdn Bhd menyampaikan ucapan alu-aluan serta mengucapkan selamat datang kepada semua yang hadir. Aktiviti diteruskan dengan taklimat proses penghasilan gula bermula daripada penanaman pokok tebu, memproses hinggalah ke pembungkusan gula. Majlis penyampaian cenderahati telah berlangsung sebagai penghargaan dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses kepada Kilang Gula Felda Perlis Sdn Bhd. Sebelum para pelajar bertolak pulang, pelajar-pelajar telah dibawa melawat ke tempat pembungkusan gula.

